

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **PROGRAM JELAJAH FRANCAIS MIKRO DAN MAMPU MILIK (F3M) ZON TENGAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN MAJLIS PENYEMPURNAAN PROGRAM F3M**

**PUTRAJAYA, 12 Oktober 2022** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) menganjurkan Program Jelajah Francais Mikro dan Mampu Milik Zon Tengah Wilayah Persekutuan Putrajaya di Putrajaya Marriot Hotel, Putrajaya. Program ini merupakan siri jelajah terakhir yang dianjurkan pada tahun 2022 melibatkan 12 lokasi di seluruh negara bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai potensi serta peluang perniagaan francais berskala mikro dan mampu milik.

2. Program ini adalah salah satu komponen yang digerakkan di bawah inisiatif Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik (F3M) KPDNHEP dalam usaha membangunkan industri francais berskala mikro dan menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais. Aktiviti seperti sesi business pitching dan pepadanan, sesi konsultasi, sesi ceramah dan pameran oleh syarikat-syarikat francais yang menawarkan pakej permulaan perniagaan pada skala mikro dan mampu milik termasuk bantuan kewangan

atau pembiayaan yang ditawarkan oleh Kerajaan semua ini merupakan antara pengisian utama program bagi mendedahkan masyarakat mengenai potensi perniagaan francais berskala mikro dan mampu milik yang wajar diterokai kerana mampu menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi negara. Sebanyak dua belas (12) siri jelajah F3M telah dianjurkan sepanjang tahun ini dengan penyertaan lebih 1,000 peserta dari seluruh negara.

**3. Pada program ini, KPDNHEP turut menyampaikan Geran Penuh Program F3M kepada 11 francaisor dan bakal francaisor yang telah dinilai termasuk memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian dan MFA. Inisiatif Geran Penuh juga merupakan inisiatif di bawah Program F3M yang mensasarkan pihak francaisor untuk membangunkan pakej permulaan perniagaan francais mampu milik bernilai RM100 ribu ke bawah serta pakej permulaan perniagaan francais mikro bernilai RM50 ribu ke bawah. Penyampaian geran ini disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd Yusof yang turut merasmikan Majlis Penyempurnaan Program F3M. Di bawah Program F3M yang diperkenalkan sejak tahun 2021, sebanyak 19 francaisor telah menerima manfaat daripada pemberian Geran Penuh manakala seramai 33 francaisor telah dilahirkan melalui inisiatif pemberian Geran Padanan.**

4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku peneraju sektor perdagangan pengedaran di peringkat nasional sentiasa memberi penekanan kepada usaha memperluaskan

pembabitan rakyat dalam arus pembangunan ekonomi. Sebagai pihak yang mengawal selia industri francais negara, KPDNHEP telah melaksanakan program-program pembangunan dalam negara bagi mempromosikan francais kepada rakyat termasuk pelaksanaan Program F3M ini. Program ini adalah salah satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.

5. Sementara itu, Pengerusi MFA Datuk Dr. Radzali Hassan amat berbesar hati kepada KPDNHEP di atas kepercayaan yang diberikan bagi melaksanakan Program F3M seterusnya berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan terutamanya dalam membantu golongan B40 dan M40 meningkatkan taraf hidup mereka. MFA juga sentiasa komited dan berusaha memantapkan mekanisme pelaksanaan bagi Program F3M agar konsep perniagaan francais dapat dihayati oleh pelbagai lapisan masyarakat dan akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan sama ada sebagai pemilik francais atau pekerja kepada syarikat francais selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran dan memulihkan sektor ekonomi akibat Pandemik Covid-19.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna**  
Putrajaya, 12 Oktober 2022

###

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi: Encik Wan Hisham bin Wan Hashim  
Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Tel: 03-8882 6377  
Emel: wanhisham@kpdnhep.gov.my

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampakan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

